

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2006/2007

Jun 2007

**HST 223 - KEPULAUAN ASIA TENGGARA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. “Agama Islam disebarkan secara tidak terancang”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
2. Bahaskan sebab-sebab yang dikemukakan oleh para sejarawan tentang mengapa Sepanyol membuat keputusan untuk menakluki Kepulauan Filipina.
3. “Penjajahan Belanda ke atas Pulau Jawa pada pertengahan kurun ke-19 telah meninggalkan kesan politik dan sosioekonomi kepada masyarakat tempatan”. Setujukah anda dengan pernyataan ini?
4. “Perkembangan agama Kristian telah membantu mengukuhkan kuasa politik Sepanyol di Filipina”. Bahaskan.
5. Bincangkan keadaan pergerakan nasionalisme Indonesia pada tahun 1920-an dan 1930-an.
6. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa Gerakan Propaganda (1872-1892) menandakan kemunculan semangat nasionalisme di Filipina”?
7. “Penjajahan Amerika Syarikat terhadap Kepulauan Filipina ditentukan oleh kedudukan Kepulauan Filipina yang strategik di Asia Tenggara”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
8. Bahaskan sama ada zaman pendudukan Jepun di Indonesia boleh dianggap sebagai satu zaman transisi atau transformasi dalam proses sosial untuk mempersiapkan situasi baru bagi bangsa Indonesia dalam menghadapi revolusi.